



KENYATAAN MEDIA

KEBENARAN PENGIMPORTAN SEMULA LEMBU DAN KERBAU DARI THAILAND

1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bersama *Department of Livestock Development Thailand* (DLD) telah mencapai persetujuan mengenai langkah-langkah pengawalan penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) melibatkan pengimportan lembu dan kerbau. Sehubungan dengan itu, DVS mengumumkan **penarikan balik larangan import lembu dan kerbau dari negara Thailand berkuatkuasa serta merta.**
2. Keputusan ini dibuat setelah beberapa penambahbaikan dalam peraturan dan prosedur import dilakukan. Keputusan ini juga turut mengambil kira langkah-langkah mitigasi yang boleh diambil di dalam negara bagi mengawal penyakit LSD.
3. Sehubungan dengan itu, DVS ingin memohon semua pemain industri (pengimport, peraih dan penternak) memberi kerjasama dengan memastikan pembelian ternakan dari negara Thailand dibuat melalui pembekal ternakan yang sah dan berdaftar dengan DLD. Ini bertujuan memastikan segala prosedur dalam pengawalan penyakit LSD dapat dipatuhi dan mengelakkan dari ternakan berpenyakit masuk ke Malaysia.
4. Adalah dijangkakan bekalan ternakan lembu dan kerbau untuk keperluan penyembelihan Hari Raya tidak terganggu dan mencukupi.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Putrajaya

15 Mac 2022

